

**Najib Hadir Konsultasi Tahunan Ke-15 Malaysia-Brunei Hari Isnin
Bernama
12 September, 2011**

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengadakan lawatan kerja ke Brunei Darussalam hari Isnin bagi menghadiri Konsultasi Tahunan ke-15 dengan Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah.

Najib diiringi Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman, beberapa menteri Kabinet, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, kedua-dua pemimpin negara itu akan membincangkan pelbagai isu-isu serantau dan global.

"Rundingan Tahunan ke-15 merupakan satu lagi peluang dan wadah terbaik untuk kedua-dua pemimpin menyusul status perkembangan Pertukaran Surat serta merangka hala tuju ke arah meningkat dan memperkukuhkan kerjasama antara Malaysia dan Brunei," kata Wisma Putra.

Najib dan Sultan Hassanal Bolkiah dijadual mengeluarkan kenyataan bersama pada akhir konsultasi tahunan itu.

Siri Rundingan Tahunan Antara Ketua-Ketua Kerajaan Malaysia dan Brunei diadakan secara bergilir antara kedua-dua negara.

Malaysia menjadi tuan rumah bagi Rundingan Tahunan Ke-14 di Putrajaya pada 21 Sept 2010.

Kedua-dua pemimpin juga akan menyaksikan pemeterian perjanjian antara Malaysia dan Brunei berhubung projek pembinaan Jambatan Sungai Pandaruan yang akan menghubungkan Limbang di Sarawak dan Temburong di Brunei.

Selain itu, mereka akan menyaksikan pemeterian tiga Memorandum Persefahaman (MoU) yang berkaitan dengan kerjasama ekonomi dan pelaburan antara Brunei Darussalam dan Sarawak serta Brunei dan Sabah dan MoU kerjasama antara PETRONAS dan PetroleumBRUNEI.

Semasa di Bandar Seri Begawan, Perdana Menteri juga akan menghadiri majlis Aidilfitri bersama masyarakat Malaysia yang menetap di Brunei.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=612747>